



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**SESI LIBAT URUS SIRI KEDUA BERSAMA NGO PERPADUAN BAGI
PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN RAKAN PERPADUAN
(*FRIENDS OF UNITY*)**

Kuala Lumpur, 13 November 2021 – YB. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara hari ini hadir ke program Sesi Libat Urus Bersama NGO Perpaduan Bagi Pembangunan Pelan Tindakan Rakan Perpaduan (*Friends of Unity*).

2. Sesi libat urus yang melibatkan kehadiran seramai 90 orang wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Perpaduan ini merupakan siri kedua selepas siri pertama yang telah diadakan pada 21 April 2021 lalu. Program ini dianjurkan dengan kerjasama Yayasan Perpaduan Malaysia (YPM). Turut hadir ialah Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara, Tan Sri Lee Lam Thye, Penasihat Yayasan Perpaduan Malaysia dan Professor Suresh Kumar A/L P Govind, Pengerusi Yayasan Perpaduan Malaysia.

3. Menurut YB Datuk Halimah, sesi libat urus ini adalah amat penting dalam membantu Kementerian Perpaduan Negara (KPN) membangunkan Pelan Tindakan Rakan Perpaduan (*Friends of Unity*). Beberapa lagi sesi seumpama ini akan diadakan bagi memberi peluang kepada NGO terlibat mengemukakan cadangan dan pandangan berhubung peranan yang boleh dimainkan dalam menjayakan aspirasi Perpaduan Keluarga Malaysia.

4. Pelan Tindakan Rakan Perpaduan (*Friends of Unity*) ini akan dibangunkan berdasarkan 5 teras strategik iaitu:

- i. Membentuk masyarakat yang menghargai perpaduan sebagai alat asas untuk masyarakat yang progresif;
- ii. Memelihara demokrasi dan raja berperlembagaan;
- iii. Memperkukuhkan pertumbuhan sosio-ekonomi yang wajar dan setara;
- iv. Memastikan keterbukaan dan toleransi untuk seseorang mempraktikkan agama, budaya dan tradisi; dan
- v. Membangunkan masyarakat progresif dengan menggunakan sains, teknologi dan Inovasi.

Kesemua input dan cadangan yang diterima berdasarkan 5 teras utama tersebut diterjemahkan kepada 3 Kluster utama iaitu:

- i. Kluster Ekonomi dan Kesihatan – yang mempunyai 7 KPI;
- ii. Kluster Pendidikan – yang mempunyai 8 KPI; dan
- iii. Kluster Sosial – yang mempunyai 7 KPI.

Hasil sesi maklum balas yang dilaksanakan ini akan menjadi input dalam penyediaan pelan-pelan tindakan yang lebih berpusatkan rakyat (*people centric*) dan memberi impak kepada komuniti Keluarga Malaysia.

5. Menteri Perpaduan Negara mengucapkan terima kasih di atas keterlibatan dan sokongan yang diberikan oleh rakan-rakan NGO untuk bersama-sama menyemarakkan semangat perpaduan Keluarga

Malaysia. Kerjasama seumpama ini akan diteruskan dan diperbanyakkan termasuklah bersama agensi-agensi swasta.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Perpaduan Negara

13 November 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (104)